

Penggunaan Portal SLS dan iMTL Dalam Pembelajaran Interaksi Penulisan

Zaleha Ahmad

zaleha_ahmad@schools.gov.sg

Nailul Azmi Ismail

nailul_azmi_ismail@ schools.gov.sg

Sekolah Rendah Park View

Abstrak

Penerapan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bukan sahaja dapat meningkatkan mutu penyampaian guru di bilik darjah malahan dapat memperkaya pengalaman pembelajaran murid menjadi lebih menarik dan relevan. Sebuah kajian rintis telah dijalankan bagi murid Darjah 4 hingga 6 untuk meningkatkan kelakonan murid dalam komponen rangsangan grafik dan interaksi penulisan. Portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) dan iMTL digunakan sebagai wadah perantara untuk menggabungkan pelbagai bahan pengajaran seperti klip video dan imejan, kerangka TIHA dan penggunaan rubrik penilaian secara kendiri dan berkumpulan. Penggunaan portal SLS dan iMTL dapat memperkaya pengalaman murid di dalam bilik darjah kerana kandungan serta mutu pengajaran guru menjadi lebih menarik.

Kata Kunci: ICT, SLS, iMTL, penilaian kendiri, interaksi penulisan



PENGENALAN

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid untuk menulis perkataan dan ayat serta melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui. Menulis merupakan keterampilan yang dimiliki oleh individu sama juga seperti kegiatan berbahasa yang lain dan hanya dapat diperoleh melalui latihan.

Perubahan format peperiksaan 2017 mewujudkan tuntutan baharu kepada murid. Komponen interaksi penulisan memerlukan murid memberi tindak balas sebagai pengguna bahasa dalam pelbagai konteks untuk memberikan respons secara bertulis melalui e-mel, nota ringkas, pesanan ringkas dan lain-lain lagi. Justeru itu, kemahiran berbahasa yang meliputi aspek bahasa reseptif dan fungsional harus dipupuk di dalam diri murid.

Penerapan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bukan sahaja dapat meningkatkan mutu penyampaian guru di bilik darjah malahan dapat memperkaya pengalaman pembelajaran murid di mana wadah penyaluran ilmu menjadi lebih menarik dan relevan. Perubahan di dalam landskap pendidikan menuntut para pendidik untuk menyuntik elemen kreativiti dalam pengajaran. Para guru digalakkan menjalankan sesi pengajaran di dalam bilik darjah dengan melakarkan aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif dan melibatkan murid agar mereka dapat melihat secara langsung kerelevanannya pelajaran yang diikuti. Oleh yang demikian, penggunaan wahana ICT yang dapat digabungkan dalam PdP secara berkesan, merupakan salah satu matlamat yang ingin dikecapi oleh setiap pendidik bagi meraih matlamat pembelajaran secara optimal. Justeru, menyedari potensi wadah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam PdP Bahasa Melayu, pengkaji telah meninjau beberapa portal pendidikan yang menyediakan pelbagai kemudahan dalam talian bagi pengajaran penulisan interaktif di Sekolah Rendah Park View.

PERNYATAAN MASALAH

Penambahan komponen interaksi penulisan dalam penilaian Bahasa Melayu Standard dan Asas bertujuan menguji keupayaan murid untuk

melibatkan diri dalam komunikasi dua hala dengan menggunakan bahasa penulisan sebagai perantara. Untuk menilai tahap penulisan murid, pihak kementerian telah menggariskan dua kriteria penilaian iaitu kesesuaian dan respons. Murid harus memahami tujuan teks penulisan yang berbeza-beza, menggunakan format teks yang bersesuaian dengan tujuan dan jenis teks. Murid juga harus menggunakan kosa kata yang sesuai mengikut konteks dan khalayak yang berbeza sambil menimbangkan kesannya kepada penerima. Penerapan komponen ini menimbulkan tuntutan baharu dalam kalangan pendidik khususnya dari segi penyediaan bahan pengajaran, kemahiran yang perlu diajar kepada murid dan format penilaian yang akan digunakan di dalam proses penilaian di bilik darjah.

Secara tidak langsung, guru harus memberi motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang diperlukan oleh murid untuk menggalakkan pelibatan yang optimal dalam aktiviti yang dijalankan khususnya dalam memupuk kemahiran interaksi penulisan. Tugas guru akan menjadi lebih mencabar kerana mereka harus memupuk kemahiran penulisan agar murid dapat memindahkan pembelajaran daripada konteks bilik darjah ke alam kehidupan seharian mereka. Aktiviti yang dirancang mencabar dan membolehkan murid memperoleh pengalaman yang autentik melalui pembelajaran secara kolaboratif dan kooperatif. Tugasan yang berbentuk penyelesaian masalah akan melatih murid menemui jawapan atau makna sendiri kerana guru akan membimbing murid menganalisis, meramal, membuat hipotesis dan pelbagai tafsiran untuk menyelesaikan persoalan yang diberikan. Selain daripada itu, guru juga harus memberikan peluang dan ruang kepada murid menerangkan pemikiran mereka serta belajar menghormati pendapat murid lain.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian adalah untuk:

1. menilai tahap peningkatan dalam pemahaman murid semasa pembelajaran interaksi penulisan;
2. meneliti sejauh mana pemahaman murid dalam menggarap kandungan pembelajaran melalui wadah penilaian interaktif; dan



3. menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis semasa proses pembelajaran Bahasa Melayu.

Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan terhadap pengajaran kemahiranmenulis harus dilakukan secara terancang bagi memastikan objektif pembelajaran bagi komponen rangsangan grafik dan interaksi penulisan dapat dicapai. Murid diajar secara bertahap tentang pelbagai bentuk wacana, laras bahasa, kemahiran berfikir dan menaakul serta menyusun fakta agar dapat melahirkan bentuk wacana yang lengkap melalui Pakej Cekap Menulis untuk Darjah 4 hingga 6. Portal iMTL dan SLS merupakan wadah perantara yang penting bagi menyokong pelaksanaan PdP di dalam bilik darjah agar pengalaman pembelajaran murid lebih interaktif dan bermakna.

KAJIAN LEPAS

Ertmer (1999) dan Hokanson & Hooper (2004) telah menjalankan satu kajian untuk meninjau keberkesanan penggunaan wadah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam bilik darjah terhadap kelakonan murid. Teknologi dapat meningkatkan produktiviti, menambah motivasi, menyokong pengajaran secara tidak langsung dan meningkatkan literasi maklumat dalam kalangan murid (Roblyer & Schwier, 2003). Namun terdapat juga pelbagai persoalan yang timbul berkaitan dengan pengajaran bahasa dengan menggunakan wadah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kajian Ambigapathy dan Shanti (2004) mendapati bahawa cabaran baharu dalam dunia pendidikan memerlukan penglibatan golongan pendidik secara sepada dalam melakarkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dapat membentuk pesona murid yang mempunyai arah kendiri (*self-directed learner*).

Menurut kajian Nevin (1999) pula, teknik latih tubi yang terhasil daripada teori pembelajaran behavorisme amat sesuai untuk pengajaran kosa kata, kemahiran Matematik, kemahiran Sains, Sejarah dan Geografi. Pendekatan pembelajaran masteri ini memerlukan guru untuk membahagikan sukatan pelajaran kepada unit-unit kecil agar murid dapat menerima pengajaran secara bertahap lantas dapat menguasai topik pengajaran secara berkesan. Pendekatan ini juga mengesyorkan bahawa variasi dalam pencapaian murid

boleh dikurangkan melalui strategi dan teknik pengajaran yang disesuaikan untuk memenuhi pelbagai keperluan pembelajaran murid.


Ini sejajar dengan gagasan penting yang disarankan oleh Teori Konstruktivisme yang dibentuk oleh Piaget, Dewey dan Vygotsky yang berteraskan kepada tiga premis iaitu '*Zone of Proximal Development*' (ZPD) atau Zon Perkembangan Termampu, *scaffolding* atau perancahan atau sokongan dan pembelajaran yang bersifat sosiobudaya.

ZPD ialah jarak antara potensi atau kemampuan individu menyelesaikan masalah atau tugas secara kendiri dengan potensi menyelesaikan masalah atau tugas dengan bantuan guru atau pakar. Di daerah potensi ini, seseorang itu bersedia menguasai konsep, idea atau kemahiran melalui bimbingan guru atau pakar.

“*Scaffolding*” atau perancahan ialah proses menyediakan sokongan atau bimbingan semasa proses pembelajaran. Bimbingan akan dikurangkan apabila murid dapat mengawal dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran kendiri. Contoh bimbingan adalah melalui pembelajaran kolaboratif dengan rakan sebaya, persekitaran pembelajaran berstruktur, panduan belajar, strategi pemahaman, strategi membantu murid menyusun maklumat baharu dan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan penyoalan.

Pembelajaran yang bersifat sosiobudaya bermaksud, murid membawa bersamanya pengetahuan/idea/kemahiran yang diperoleh daripada keluarga dan komunitinya. Perkaitan perlu dibina antara pembelajaran di sekolah dengan pembelajaran di luar sekolah. Pembelajaran juga berlaku melalui interaksi sosial.

Rumusannya ialah pembelajaran berlaku jika murid terlibat dalam situasi pembelajaran yang autentik, melaksanakan tugas yang sesuai dan melambangkan dunia sebenar. Pembelajaran pula bersifat peribadi dan terbuka hasil daripada interaksi pengalaman, pengetahuan dan kepercayaan murid dengan dunia iaitu konsep boleh ditafsirkan daripada pelbagai perspektif, tiada satu jawapan yang sebenar yang ditetapkan dan sesuatu realiti terbina



melalui pelbagai pengalaman yang berbeza-beza.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan Pengajaran Secara Eksplisit. Kajian yang dijalankan dapat dibahagikan kepada tiga langkah utama iaitu:

Langkah Tinjauan

- Meninjau permasalahan dan membuat tinjauan terhadap profil dan kelakonan murid.
- Membuat pemerhatian semasa proses PdP di dalam kelas serta menganalisis skrip jawapan ujian diagnostik murid.
- Membuat pemerhatian melalui rakaman video terhadap pengajaran guru di dalam kelas untuk menentukan kesesuaian pendekatan yang digunakan.

Langkah Perancangan dan Pelaksanaan

- Menggunakan maklumat daripada bahan praujian dan pascaujian untuk melakarkan pakej interaksi penulisan secara bertahap mengikut peringkat kecerdasan murid. Penggunaan pelbagai media bertujuan untuk meningkatkan minat murid tentang kandungan pelajaran seperti menggunakan iklan secara bercetak dan juga elektronik.
- Mempelbagaikan aktiviti pembelajaran agar murid tidak bosan. Sebagai contoh, murid diberi peluang untuk mereka iklan, mencerakin iklan, membina soalan kefahaman berdasarkan iklan yang direka serta membuat pembentangan untuk mempromosikan iklan yang dihasilkan. Tugasan mereka iklan dan membina soalan pada iklan yang dihasilkan amat bermakna kerana dapat memperkasa murid dan secara tidak langsung dapat mencungkil bakat dan menggalakkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid. Murid lebih maklum tentang tatacara dan struktur dalam lakaran iklan dan secara tidak langsung, akan mengajar murid untuk mengecam pecahan-pecahan yang terdapat di dalam iklan.

Langkah Pemantauan

- Menjalankan sesi pengajaran menggunakan pakej Cekap Menulis yang telah dihasilkan.
- Menggunakan senarai semak dan borang refleksi murid untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan.
- Mendapatkan maklum balas murid tentang keberkesanan aktiviti pembelajaran melalui borang refleksi murid dan komen ibu bapa. Maklum balas ini amat penting kerana dapat membantu murid untuk mengecam bahagian/perkara yang harus dititikberatkan semasa melakukan tugas susulan.
- Merekod pencapaian murid setelah tamat pengajaran dan data ini digunakan untuk mengesahkan kemajuan murid terhadap setiap pengajaran yang telah dijalankan. Markah ujian topikal dan penilaian akhir tahun digunakan untuk menilai tahap pencapaian murid secara menyeluruh.

Elemen-elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam kajian ini memberikan penekanan kepada Pelaksanaan Pengajaran dan Penilaian dan Maklum Balas. Sila lihat Jadual 1.

Jadual 1 : Penerapan Aspek Amalan Pengajaran Singapura(STP)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dari Imejan Penggunaan Video Menggunakan Mod Video on Set(iMTL) untuk memberi peluang kepada murid meneka tujuan, mengecam fakta penting yang bersangkutan dengan laras Bahasa khusus di dalam iklan.
	AP 15: Menggalakkan Pelibatan Murid	AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Pelbagai aktiviti mengajar dilaksanakan



		untuk merangsang minat murid dan memberi pendedahan terhadap laras Bahasa iklan termasuklah kerja berkumpulan, 6 Topi Berfikir, Mencerakin Iklan, Menghasilkan Iklan dan Lintas Galeri.
	AP 20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	AM3: Perhalus, Perhalus, Perhalus Mengadaptasi kerangka Rutin Berfikir (Lihat-Fikir-Tanya) Secara sekelas, murid menerangkan pendapat berdasarkan stimuli yang diberi.
Penilaian dan Maklum Balas	AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri.	AM2: Memantau Pembelajaran Saya Secara sekelas, murid menulis jawapan dengan menggunakan Kanvas Kolaboratif (iMTL). Guru memuatnaikkan rubrik penilaian sebagai panduan buat murid. Semasa sesi pengajaran dijalankan, guru melakukan pemantauan dengan
Penilaian dan Maklum Balas	AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri.	menggunakan sudut komen interaktif, untuk memberi maklum balas secara langsung tentang mutu penulisan secara kumpulan. Guru akan meninjau kelakonan kumpulan dan memberi saranan / pandangan untuk meningkatkan hasil penulisan murid. Guru menyediakan senarai semak untuk membantu murid memahami kriteria yang harus dipenuhi semasa melakarkan jawapan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Penggunaan senarai semak, rubrik dan maklum balas digunakan untuk memantau pembelajaran.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran dan Aktiviti Mengajar yang dipilih dibincangkan dengan teliti dalam kalangan guru pengkaji untuk memastikan murid meraih manfaat yang terbaik dalam merangsang murid agar terlibat aktif dalam pembelajaran yang menyeronokkan tetapi mendalam dan memberikan impak yang berkesan dalam proses pembelajaran murid.	

Subjek Kajian

Kumpulan sasaran terdiri daripada murid Darjah 4, 5 dan 6. Seramai 30 murid dari Darjah 4, 43 murid dari Darjah 5 dan 42 murid dari Darjah 6 terlibat di dalam kajian ini. Hasil tinjauan terhadap murid yang telah dikenal pasti mendapatkan bahawa mereka terdiri daripada latar belakang keluarga yang pelbagai justeru mewujudkan jurang dari segi pendedahan, pengetahuan serta penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Bagi cara kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan berdasarkan kelakonan murid semasa praujian dan pascaujian yang dijalankan. Untuk memastikan data yang diperoleh konsisten, pengkaji turut mengumpul data daripada markah ujian berdasarkan topik. Sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi murid dan sesi temu bual dengan guru merupakan data kualitatif untuk menyokong dapatan kajian.

Portal *SLS* merupakan portal dalam talian yang menyediakan khidmat khusus untuk para pendidik melakarkan PdP secara terancang dan sistematik. Bahan sokongan seperti kerangka pengajaran mengikut prinsip STP bukan sahaja memudahkan tugas pendidik malahan memberi panduan untuk melakarkan bahan pengajaran yang lebih bermakna sejajar dengan tuntutan Kementerian Pendidikan yang menekankan kepentingan menggabungkan pengajaran dengan penerapan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid. Latihan yang dibuat secara berulangan pula akan membolehkan murid melatih kemahiran atau pengetahuan asas sesuatu subjek dan secara tidak langsung akan meningkatkan daya tahan dalam minda.

Portal *iMTL* pula menawarkan khidmat untuk menghasilkan tugasan bersifat interaktif. Mod-mod di dalam talian seperti Set Soalan (*Video on Set*), Pelbagai Respons (MRQ), Respons E-mel (*Email Response*), Kanvas Kolaboratif, Penulisan Kolaboratif dan lain-lain lagi dapat digunakan agar



dapat memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti pembelajaran. Khidmat penilaian secara berkumpulan dan aktiviti penulisan secara kolaboratif amat menyeronokkan kerana mampu menyuntik nilai kerjasama dalam kalangan murid. Guru juga dapat mencetak analisis jawapan murid secara individu dan memuat turunkan data kelakonan kelas untuk melakukan aktiviti pemulihan susulan.

Secara umumnya, kedua-dua portal ini membolehkan murid untuk memperkuuh kemahiran atau pengetahuan mengikut tahap kecerdasan masing-masing. Ringkasan pencapaian yang disertakan setelah tamat latihan pula dapat digunakan oleh murid atau guru untuk merekod tahap pencapaian dan penguasaan murid. Secara tidak langsung, data ini dapat digunakan oleh guru untuk meninjau sejauh mana murid telah berjaya memahami konsep yang telah dipelajari secara kendiri dan memupuk sikap bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Prosedur Kajian

Langkah Tinjauan

Guru telah melakukan tinjauan awal terhadap markah peperiksaan akhir tahun (SA2) yang diperoleh murid bagi item interaksi penulisan. Hampir 40% peratus murid tidak dapat menjawab soalan interaksi penulisan dengan cemerlang. Pengkaji juga mendapati bahawa hampir 50% murid dari kelas berprestasi sederhana (*medium performing class*) gagal dalam menjawab soalan pengetahuan. Guru kemudian melakukan sesi temu bual bersama murid dan guru dan mendapati bahawa dua faktor utama yang menyumbang pada permasalahan ini adalah (i) kurangnya pendedahan terhadap kosa kata dan (ii) ketidakupayaan murid untuk memahami kehendak soalan dan menggunakan laras bahasa yang sesuai.

Langkah Perancangan dan Pelaksanaan

Guru melakarkan bahan praujian dan pascaujian berdasarkan tema-tema yang terdapat di dalam Buku Teks Cekap. Kemudian, praujian telah dijalankan untuk mendapatkan informasi tentang tahap persediaan murid disusuli dengan proses melakarkan Pakej Cekap Menulis secara bertahap oleh pengkaji.

Pengkaji menentukan tiga perkara utama yang harus diterapkan di dalam pakej penulisan iaitu daftar kosa kata umum, pengajaran eksplisit tentang laras bahasa iklan dan jenis-jenis ayat dengan pengkhususan terhadap empat cabang ayat perintah (i) ayat permintaan, (ii) ayat silaan, (iii) ayat larangan dan (iv) ayat suruhan. Kemudian, Wiramaya bagi setiap peringkat ditugaskan untuk membina bahan-bahan pengajaran berlandaskan ICT bagi menyokong pelaksanaan pengajaran dengan menggunakan portal *iMTL* dan portal *SLS*. Setiap minggu, 2 masa diperuntukkan untuk menjalankan pengajaran ICT dengan menggunakan kedua-dua portal dalam talian. Sebagai pengukuhan murid melakukan tugas susulan di rumah.

Langkah Pemantauan

Semasa sesi pengajaran dijalankan, guru melakukan pemantauan dengan menggunakan senarai semak dan borang refleksi murid untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Guru merekod pencapaian murid setelah tamat pengajaran. Masa yang diperuntukkan untuk melengkapkan pengajaran interaksi penulisan ialah 2 minggu bagi setiap tema. Markah ujian berasaskan topik digunakan untuk menilai pencapaian murid terhadap penguasaan kosa kata baharu, kebolehan mengecam idea utama dan melakarkan jawapan respons yang bersesuaian mengikut kehendak soalan. Jadual pengkhususan bagi ujian berasaskan topik memperuntukkan 10 markah bagi komponen rangsangan grafik dan interaksi penulisan.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Rajah 1 merupakan dapatan daripada tinjauan awal guru untuk menganalisis tahap pencapaian murid dari kedua-dua kelas Bahasa Melayu bagi setiap murid. Murid ditempatkan di dalam kelas mengikut tahap kelakonan mereka dalam peperiksaan akhir tahun 2018 (SA2). Dapatkan awal mendapati bahawa murid dari kelas berprestasi sederhana (*medium performing class*) bagi kedua-dua murid Darjah 5 dan Darjah 6 agak lemah di dalam komponen rangsangan grafik termasuk interaksi penulisan berbanding murid dari kelas berprestasi tinggi (*high performing class*) di dalam peperiksaan akhir tahun 2019. Namun ada peningkatan sebanyak 35.9% dari segi peratusan murid



yang lulus bagi rangsangan grafik bagi murid Darjah 5 dan peningkatan sebanyak 50.3% bagi murid Darjah 6.

Rajah 1 : Dapatan Analisis Pencapaian Murid Bagi Item Rangsangan Grafik Dalam Peperiksaan SA2 (2018) Dan SA2 (2019)




Jadual 1 : Keputusan Peperiksaan SA2(2018) Dan SA2(2019) Bagi Komponen Rangsangan Grafik

Murid	P4 MA (10)	P4 HP (20)	P4 Kes-eluruhan (30)	P5 MA (18)	P5 HP (25)	P5 Kes-eluruhan (43)	P6 MA (16)	P6 HP (26)	P6 Kes-eluruhan (42)
SA2 2018/ Prelim	-	-	-	20 (2)	60 (15)	38.5 (17)	18.8 (3)	53.8 (14)	42.5 (17)
SA2 2019/ Prelim	40 (4)	80 (16)	66.7 (20)	55.6 (10)	88 (22)	74.4 (32)	81.2 (13)	100 (26)	92.8 (39)

Hasil dapatan daripada keputusan peperiksaan akhir tahun yang dijalankan bagi murid Darjah 5 dan 6 mendapat ada peningkatan yang ketara dari segi peratusan murid yang lulus untuk komponen interaksi penulisan. Peningkatan yang amat memberangsangkan dapat dilihat bagi kelompok murid dari kelas sederhana bagi murid Darjah 5 dan 6 di mana peningkatan

hampir 40% lulus di dalam komponen interaksi penulisan. Faktor utama adalah disebabkan pemilihan tema rangsangan interaksi penulisan seajar dengan topik lisan yang pernah mereka pelajari iaitu kosa kata yang berkisarkan tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat. Secara tidak langsung, ini memudahkan murid memahami kehendak soalan dengan lebih baik. Secara am, pencapaian bagi murid dari kelas berprestasi tinggi agak konsisten di mana pengkaji menyaksikan hampir 80% murid lulus.

Rajah 2 : Dapatan Analisis Pencapaian Murid Bagi Item Interaksi Penulisan Dalam Peperiksaan SA2 (2018) Dan SA2 (2019)



Jadual 2 : Keputusan Peperiksaan SA2(2018) Dan SA2(2019) Bagi Komponen Interaksi Penulisan

Murid	P4 MA (10)	P4 HP (20)	P4 Kes-eluruhan (30)	P5 MA (18)	P5 HP (25)	P5 Kes-eluruhan (43)	P6 MA (16)	P6 HP (26)	P6 Kes-eluruhan (42)
SA2 2018/ Prelim	-	-	-	5.5 (1)	40 (10)	25.6	18.8 (3)	41.2 (12)	35.7 (15)
SA2 2019/ Prelim	20 (2)	90 (18)	66.7 (20)	44.4 (8)	80 (20)	65.1	68.7 (11)	84.6 (22)	78.6 (33)

Proses pembelajaran yang berdasarkan ICT telah memberi pendedahan kepada murid untuk meneliti pelbagai tema melalui latihan

secara interaktif. Pengalaman ini juga telah berjaya membantu murid untuk mempertingkatkan keupayaan memberikan respons secara bertulis dengan tersusun dan berstruktur. Kajian yang dilakukan jelas menyokong usaha guru untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkesan melalui penggabungjalinan pelbagai wadah pengajaran bagi meningkatkan mutu pengalaman murid di dalam bilik darjah. Di samping itu, kajian ini juga mendapati peningkatan dari segi keyakinan dan kecenderungan murid untuk melibatkan diri secara aktif di dalam proses pembelajaran.

KESIMPULAN

Guru memainkan peranan penting dalam pemerolehan literasi murid di sekolah dan memainkan pengaruh yang besar dalam pencapaian, sikap, aspirasi dan motivasi murid. Oleh sebab itu, murid harus diperkenalkan pada kandungan pengajaran sebelum murid menggunakan kaedah latih tubi kerana fokus pengajaran harus kepada kelancaran memahami dan mengingat pengetahuan. Kemahiran dan pengetahuan bahasa yang harus digarap dan dicapai juga perlulah dinyatakan dengan jelas kepada murid pada setiap peringkat pembelajaran. Dengan mengetahui perkara yang perlu dicapai, murid akan lebih teruja untuk terus maju ke tahap seterusnya.

Berdasarkan dapatan analisis kajian yang telah dibincangkan, beberapa cadangan dapat dikemukakan dengan harapan wadah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan dapat memberi sumbangan ke arah peningkatan sikap positif dalam kalangan murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Oleh yang demikian, disarankan agar guru meningkatkan usaha untuk melakarkan pengajaran yang lebih menarik serta menyuntik elemen keseronokan di dalam pengajaran bahasa Melayu agar murid terdorong untuk menyukai, mencintai dan memurni bahasa Melayu.

Pengajaran di dalam bilik darjah juga seharusnya lebih bersifat interaktif agar murid mudah mengetahui dan memahami pelajaran yang diikuti. Pada masa yang sama, guru juga harus berani dan meningkatkan efikasi diri terhadap penggunaan ICT agar lebih cekap untuk memilih bahan dan wadah pengajaran yang terbaik, sesuai dengan perubahan profil murid masa kini

bagi merangsang minat dan rasa cinta pada bahasa dan sekaligus membantu murid yang lemah dalam komponen-komponen tertentu.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Zubaidah Othman
2. Nurfarhannah Hazmi

RUJUKAN

- Anglin, G. J. (2011). *Instructional technology: Past, present, and future (Third edition)*. Santa Barbara, California: Libraries Unlimited.
- Ertmer, P. A., Quinn, J., & Glazewski, K. D. (2014). *The ID Casebook: Case Studies In Instructional Design (Fourth edition)*. Boston: Pearson.
- Francis, W. N. 1., Kučera, H., & Mackie, A. W. (1982). *Frequency Analysis of English Usage: Lexicon and Grammar*. Boston: Houghton Mifflin.
- Hokanson, B., Clinton, G., Tracey, M. W., & AECT Summer Research Symposium. (2015). The design of learning experience: Creating the future of educational technology. Cham: Springer.
- Nik Safiah Karim (1989). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise (1989:14)
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalam Pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Nevin, A. (1990). *The changing of teacher education special education. Teacher Education and Special Education*: The Journal of the Teacher Education Division of the Council for Exceptional Children, 13(3-4), 147-148.

